

10 JUL 1999

Dewan-Sultan

TOLAK PIHAK YANG MAINKAN SEMANGAT PERKAUMAN, TITAH SULTAN JOHOR

JOHOR BAHRU, 10 Julai (Bernama) -- Sultan Johor bertitah mengingatkan rakyat supaya menolak pihak-pihak yang memainkan semangat perkauman dan yang diperalatkan oleh kuasa asing.

Baginda juga mahu rakyat menolak mereka yang cuba membawa perpecahan lebih-lebih lagi yang menggunakan agama sebagai alat untuk kepentingan tertentu.

Ini boleh memesongkan akidah dan mengelirukan, titah baginda ketika merasmikan persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Sehubungan itu, titah baginda, rakyat hendaklah menyokong dasar-dasar dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan.

"Rakyat perlu mengukuhkan perpaduan serta tidak berbalah dan berpecah-belah. Bersatu teguh, bercerai roboh," titah Sultan Johor.

Baginda bertitah, rakyat seharusnya berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dengan berani dan bijaksana menyelamatkan ekonomi negara.

Titahnya, Dr Mahathir dengan tegas mempertahankan maruah serta kedaulatan negara daripada campurtangan dan pengaruh kuasa-kuasa asing.

Mengenai Johor, baginda bertitah kerajaan negeri akan meneruskan usaha-usaha keadilan masyarakat seperti membina rumah rakyat, menurap jalan kampung, membina dan membaiki masjid, membina perpustakaan desa serta menyediakan kemudahan untuk keluarga nelayan, masyarakat Orang Asli dan rakyat termiskin.

Kerajaan negeri akan meneruskan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat ke arah membina ketahanan rakyat yang antaranya meliputi penekanan kepada perkara-perkara dakwah, akidah, pendidikan agama dan menggunakan masjid sepenuhnya.

Baginda berharap semua pihak menjalankan tugas dengan amanah, jujur dan ikhlas kerana kejayaan sesuatu rancangan pembangunan bergantung kepada kerjasama semua pihak iaitu kerajaan yang adil, pentadbiran yang cekap dan rakyat yang bersatu padu.

Terdahulu, keberangkatan Sultan di perkarangan Bangunan Sultan Ibrahim disambut oleh Tunku Mahkota Johor, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Speaker Datuk Ali Hassan serta pembesar negeri lain.

Sultan kemudian memeriksa perbarisan kehormatan terdiri daripada anggota askar Timbalan Setia Negeri (JMF).

Dewan akan bersidang Isnin ini.

-- BERNAMA

MKO RHM